



## SIARAN MEDIA

### KEMENTERIAN SAINS, TEKNOLOGI DAN INOVASI

---

#### **MOSTI MEMPELAWA KERJASAMA ANTARABANGSA BAGI MENJAYAKAN PELAN TINDAKAN KESIHATAN PLANET NEGARA**

---

**VIENNA, 25 September 2022** – Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI) mempelawa Institut Antarabangsa untuk Sistem Analisis Gunaan (IIASA) untuk menjalin kerjasama dengan Akademi Sains Malaysia (ASM) bagi menjayakan Pelan Tindakan Kesihatan Planet Negara (PTKPN).

Menurut Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi, YB Dato' Sri Dr. Adham Baba, "IIASA mempunyai kepakaran dalam analisis sistem bagi pelbagai bidang disiplin terutamanya yang berkaitan dengan sains alam sekitar. Justeru, MOSTI ingin mempelawa IIASA untuk meneroka platform kerjasama dengan ASM dengan menyumbang pengetahuan mereka dalam bantuan teknikal untuk memperkuuh PTKPN yang lebih bersepdua menjelang akhir tahun 2023."

Beliau berkata demikian ketika sesi lawatan di IIASA, Laxenburg, Austria. Turut hadir adalah Ketua Pengarah IIASA, Dr. Albert van Jaarsveld.

YAB Perdana Menteri, Dato' Sri Ismail Sabri Yaakob pada 8 April 2022 di Mesyuarat Majlis Sains Negara telah mengumumkan agar MOSTI menerusi ASM untuk menggubal PTKPN. ASM ketika ini telah melaksanakan beberapa pertemuan dengan pemegang taruh berkaitan dalam membincangkan isu berkenaan secara holistik yang dipacu sains, teknologi, inovasi dan ekonomi (STIE).

Tambah Dato' Sri Dr. Adham Baba, PTPKN antaranya akan memberi tumpuan kepada dua perkara iaitu:

- i. Pembangunan sistem pengawasan, pemantauan dan penjejakan impak (STIE Trend Watch) untuk kesihatan planet sebagai boleh untuk pelaksanaan PTKPN.
- ii. Meningkatkan penyelidikan dan pembangunan (R&D) dalam kawasan zoonosis ke arah pembangunan pangkalan data nasional untuk genomik alam sekitar bagi mengawal dan mencegah penyakit zoonosis secara holistik melalui Institut Genom & Vaksin Malaysia (MGVI), ASM dan agensi berkaitan.

IIASA yang ditubuhkan pada 1972 ialah sebuah institut penyelidikan antarabangsa yang menjalankan penyelidikan pelbagai disiplin untuk membantu penggubal dasar mencari penyelesaian jangka panjang kepada cabaran global dan universal yang dihadapi negara. IIASA dan ASM juga telah bekerjasama dalam pelbagai bidang penyelidikan, terutamanya dalam menangani jerebu dan pembakaran biojisim di Malaysia dan Asia, minyak sawit tanpa penebangan hutan serta mengunjurkan perubahan populasi dan modal insan di Malaysia.

Semenjak tahun 2013, terdapat 26 lawatan penyelidik IIASA ke Malaysia. Manakala sejumlah 47 individu yang antaranya terdiri daripada penyelidik, penasihat dan diplomat dari Malaysia telah melawat atau menghadiri sekurang-kurangnya satu acara di IIASA. Malaysia juga telah menghantar enam peserta untuk Program Musim Panas Saintis Muda IIASA.

Terdahulu, Dato' Sri Dr. Adham diberi taklimat awal secara dalam talian oleh Presiden ASM iaitu Prof. Emerita Datuk Dr Asma Ismail dan Ketua Pegawai Eksekutif ASM, Puan Hazami Habib. Turut serta, Ketua Setiausaha MOSTI, Datuk Ts. Dr. Hj. Aminuddin Hassim dan Duta Malaysia ke Austria merangkap Wakil Tetap Malaysia di Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu Vienna, TYT Ikram Mohammad Ibrahim.

**#TAMAT#**

Dikeluarkan oleh:

**KEMENTERIAN SAINS, TEKNOLOGI DAN INOVASI**

**25 September 2022**